



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**


24 SEPTEMBER 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 1,273 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 192,224 kes. Sebanyak 43 kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu 13 kes di Sandakan, lima (5) kes di Tawau, empat (4) kes di Lahad Datu dan Penampang, dua kes di Kota Kinabalu, Tuaran, Kalabakan dan Putatan manakala masing-masing satu (1) kes di Ranau, Pitas, Telupid, Kunak, Nabawan, Kota Belud, Keningau, Semporna dan Kota Marudu. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 2,519 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 168,823 orang. Manakala 3,661 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 1,320 orang di hospital, 2,278 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 56 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara manakala tujuh (7) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 161 orang merangkumi 145 di ICU/repurposed kritikal care serta 16 di open ward (HDW/kubikel akut) dan 58 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (ventilated).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a Sabah mencatatkan trend penurunan yang ketara hari ini. Hari ini jumlah kes yang direkodkan ialah (1,273) kes dengan penurunan sebanyak (-356) kes berbanding semalam.
- b Secara keseluruhan, perbandingan statistik semalam dengan hari ini menunjukkan perubahan angka jangkitan yang tidak statik dan penurunan angka jangkitan pada hari ini selari dengan bilangan daerah yang merekodkan penurunan kes iaitu dengan statistik 14 daerah mencatatkan penurunan dan 13 daerah mencatatkan peningkatan kes.
- c Kota Kinabalu mencatatkan peningkatan iaitu dengan catatan (203) kes, merekodkan peningkatan sebanyak cuma (+50) kes. Kawasan perbandaran lain juga merekodkan penurunan kecuali Lahad Datu, Penampang, Semporna dan Papar.
- d Antara daerah lain yang mencatatkan peningkatan ketara ialah Beluran (+54) kes, Lahad Datu (+25) kes, Telupid (+11) kes dan Beaufort (+10) kes.
- e Daerah lain yang mencatatkan penurunan ketara pula ialah Ranau (-157) kes, Kinabatangan (-154) kes, Pitas (-40) kes, Sandakan (-36) kes, Tuaran (-27) kes, Keningau (-21) kes, Putatan (-21) kes, Sipitang (-19) kes, Kota Belud (-17) kes, Kota Marudu (-16) kes dan Tawau (-12) kes. Terdapat (10) kes melibatkan OKT/banduan yang dicatat hari ini.
- f Daripada (1,273) kes yang didaftar hari ini, (541) kes atau 42.50% adalah kes-kes lewat daftar antara 2 hingga 3 hari, (18) kes atau 1.81% adalah lewat daftar 4 hingga 5 hari dan (11) kes atau 0.86% adalah kes yang berdaftar lewat melebihi 5 hari.

- g Saringan Kontak Rapat kekal penyumbang utama keseluruhan kes di Sabah hari ini dengan (784) kes atau 61.6%, Saringan Bergejala (368) kes atau 28.9%, Iapan (8) kes atau 0.6% daripada Saringan Kluster, lima (5) kes atau 0.4% dari Saringan Bersasar dan (108) kes atau 8.5% melalui Saringan Lain-lain.
- h Daripada (1,273) kes yang berdaftar hari ini, (212) kes atau 16.65% adalah pesakit dalam Kategori 1, (948) kes atau 74.47% dalam Kategori 2, sifar (0) kes dalam Kategori 3, tujuh (7) kes dalam Kategori 4 dan enam (6) kes dalam Kategori 5. (100) kes masih dalam siasatan. 93.09% daripada jumlah keseluruhan pesakit adalah warganegara Malaysia.
- i Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang terus meningkat dan dengan jumlah catatan sebanyak (784) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	8	0.6%
2	Bergejala	784	28.9%
3	Kontak	368	61.6%
4	Bersasar	5	0.4%
5	Lain-lain	108	8.5%
JUMLAH		1,273	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (23 September 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 23/09/2021	Catatan Kes 24/09/2021	Perbandingan
1	Beluran	11	65	+54
2	Kota Kinabalu	153	203	+50
3	Lahad Datu	93	118	+25
4	Telupid	19	30	+11
5	Beaufort	9	19	+10
6	Tongod	26	33	+7
7	Tenom	26	31	+5
8	Papar	42	47	+5
9	Penampang	62	66	+4
10	Semporna	6	9	+3
11	Kalabakan	8	10	+2
12	Kunak	17	18	+1
13	Kuala Penyu	0	1	+1
14	Ranau	193	36	-157
15	Kinabatangan	167	13	-154
16	Pitas	79	39	-40
17	Sandakan	121	85	-36
18	Tuaran	87	60	-27
19	Keningau	102	81	-21
20	Putatan	52	31	-21
21	Sipitang	29	10	-19
22	Kota Belud	64	47	-17
23	Kota Marudu	114	98	-16
24	Tawau	55	43	-12
25	Nabawan	33	26	-7
26	Tambunan	18	14	-4
27	Kudat	43	40	-3
JUMLAH		1,629	1,273	-356

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (10 – 23 September)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	125	63	0	15	203	3,260
Lahad Datu	6	64	37	0	11	118	1,506
Kota Marudu	0	69	25	0	4	98	1,095
Sandakan	0	36	22	0	27	85	1,973
Keningau	0	68	11	0	2	81	1,046
Penampang	0	37	26	0	3	66	1,095
Beluran	0	52	4	1	8	65	585
Tuaran	0	40	16	0	4	60	1,430
Kota Belud	0	32	15	0	0	47	960
Papar	0	18	26	0	3	47	1,196
Tawau	0	24	18	0	1	43	934
Kudat	0	30	6	0	4	40	462
Pitas	0	34	5	0	0	39	694
Ranau	0	19	8	0	9	36	932
Tongod	0	9	20	4	0	33	289
Putatan	0	21	7	0	3	31	813
Tenom	0	19	11	0	1	31	406
Telupid	0	23	5	0	2	30	428
Nabawan	0	20	5	0	1	26	395
Beaufort	0	13	4	0	2	19	202
Kunak	0	7	8	0	3	18	311
Tambunan	0	13	1	0	0	14	236
Kinabatangan	2	6	3	0	2	13	773
Sipitang	0	3	5	0	2	10	122
Kalabakan	0	0	10	0	0	10	253
Semporna	0	2	6	0	1	9	201
Kuala Penyu	0	0	1	0	0	1	55
JUMLAH	8	784	368	5	108	1,273	21,652

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Lahad Datu	Kluster Sawit Jeroco	6
Kinabatangan	Kluster Ladang Desa Jeroco 2	1
	Kluster Sungai Bendera	1
JUMLAH		8

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 7,386 unit

- Hospital 2,072 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 4,614 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 672 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 49.57%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 24 SEPTEMBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	1,258
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	5
Orang Dalam Tahanan /Banduan	10
Jumlah	1,273

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Johor	1
Selangor	3
WP Labuan	1
Jumlah	5

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	1,185
Bukan Malaysia	88
Jumlah	1,273

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin	272
Belum Menerima Vaksin	359
Menerima 1 Dos	94
Lengkap 2 Dos	548
Jumlah	1,273

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	25
1 to 5	104
6 to 11	143
12 to 17	108
18 to 25	152
26 to 59	620
>60	121
Jumlah	1,273

C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH

BIL	DAERAH	BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 24 September 2021)
1	Kota Kinabalu	3
2	Kota Marudu	3
3	Tawau	3
4	Ranau	2
5	Kota Belud	1
6	Beluran	1
7	Keningau	1
8	Kudat	1
9	Lahad Datu	1
10	Papar	1
11	Telupid	1
JUMLAH		18

D STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 23 September 2021 adalah seramai 48,601 orang. Daripada jumlah ini, seramai 28,577 orang adalah penduduk dewasa dan seramai 20,024 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 dan Cansino setakat 23 September 2021 adalah seramai 2,159,328 orang. Ini meliputi 1,974,443 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 72.7% jumlah penduduk dewasa, manakala bagi penerima dos lengkap adalah seramai 1,657,028 atau mewakili 61.0% dan seramai 184,885 orang penduduk remaja bersamaan 43.4% jumlah penduduk remaja.

E BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **610,171** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

**F LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH,
PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 72 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 32,181 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 77 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 61 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 21 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - Tujuh (7) Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
 - 11 Orang : Gagal Memakai Pelitup Muka
 - Tiga (3) Orang : Rentas Daerah/Negeri Tanpa Kebenaran
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 123 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 33 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 995 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Sebanyak dua (2) notis/amaran dikeluarkan oleh PBT iaitu di daerah Lahad Datu. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT.
 - ii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 515 premis perniagaan dan 792 individu di 18 kawasan. Dua belas (12) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di Kimsu Trading, Bataras Complex Kolombong (1 Orang), Hafiszuddin, Bataras Complex Kolombong (1 Orang), Dnaneyz Enterprise, Leecas Vapezone, Likas (1 Orang), Bf PGY Shop Likas, Likas Juta (1 Orang), Restoran Amin Maju, Likas Plaza Juta (1 Orang), KFC Plaza Juta, Likas Plaza Juta (1 Orang), Rorimas Sarah Sdn. Bhd., Likas Plaza (1 Orang), Printer Gambar, Bataras Kolombong (1 Orang), I Care RX KK, Lido (3 Orang) dan Restoran Meng, Lido (1 Orang). Tiada kompaun dikenakan ke atas premis.

- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 270 Premis Perniagaan melibatkan 147 anggota APM. Sebanyak sembilan (9) Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 121 anggota di 192 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 23 premis, melibatkan 10 buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 170 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di tujuh (7) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 216 hebahan di seluruh Sabah.

G KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 pada hari ini ialah **96.7%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Beaufort	97.5%
2	Kudat	97%
3	Beluran	97%
4	Keningau	97%
5	Kunak	97%
6	Semporna	97%
7	Sipitang	97%
8	Penampang	96.5%
9	Papar	96.5%
10	Kota Kinabalu	96.5%
11	Tenom	96.5%
12	Tawau	96.5%
13	Lahad Datu	96.5%
14	Kota Belud	96.5%
15	Kota Marudu	96%
16	Ranau	96%
17	Sandakan	96%
18	Kinabatangan	96%
19	Tuaran	96%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Nota : Terdapat beberapa data belum diterima dan akan dilengkapkan kemudian apabila telah diterima.

Sekian.

#MalaysiaPrihatin

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**